

## **PEMAKAIAN KETERANGAN PENDAPAT PAKAR SEBAGAI KaedaH PEMBUKTIAN DI MAHKAMAH SYARIAH: ISU DAN CABARAN**

**Mohd Sabree Nasri**

Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa,  
Kolej Universiti Islam Melaka

**Ruzman Md Noor**

Jabatan Syariah dan Undang-undang,  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

*Corresponding Author's Email: mohdsabree@kuim.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 18 June 2021*

*Accepted : 13 August 2021*

*Published : 10 September 2021*

### **ABSTRAK**

Pemakaian keterangan pendapat pakar sangat penting pada zaman kini kerana ia dapat membantu pihak mahkamah untuk membuat keputusan yang tepat dan boleh memandu para hakim mengenai perkara yang berada diluar pengetahuannya. Permasalahan timbul apabila terdapatnya ketidakjelasan pada beberapa bahagian dalam peruntukan Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah yang berkaitan dengan pemakaian keterangan pendapat pakar. Justeru itu, objektif penulisan ini adalah untuk menilai dan meneliti isu-isu yang berkaitan pemakaian keterangan pendapat pakar iaitu dari aspek kedudukan dan kebolehenerimaan keterangan pendapat pakar, kategori keterangan pendapat pakar, syarat kelayakan untuk diiktiraf sebagai pakar, “*bias*” dalam pemakaian keterangan pendapat pakar, dan tatacara pemakaian keterangan pendapat pakar di Mahkamah Syariah. Metode penulisan ini akan menggunakan pendekatan deskriptif serta membuat analisa kandungan dengan meneliti artikel-artikel serta kes-kes berkaitan yang telah diputuskan khususnya di Mahkamah Syariah. Dapatkan menunjukkan bahawa terdapat “*lakuna*” yang wujud dalam peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan pemakaian keterangan pendapat pakar di Mahkamah Syariah. Oleh yang demikian, beberapa penambahbaikan dan pengharmonian perlu dilakukan antaranya ialah pindaan dan pemurnian pada seksyen-seksyen tertentu yang berkaitan serta cadangan mewujudkan standard rujukan yang khusus berkaitan pemakaian keterangan pendapat pakar di Mahkamah Syariah untuk dijadikan panduan kepada mereka yang terlibat secara langsung dengan sistem perundangan di Mahkamah Syariah.

**Kata Kunci:** Pendapat Pakar, Pembuktian, Mahkamah Syariah, Isu dan Cabaran

## ***EXPERT OPINION EVIDENCE AS A METHOD OF PROOF IN SYARIAH COURTS: ISSUES AND CHALLENGES***

### ***ABSTRACT***

*The use of expert opinion evidence is very important nowadays because it can help the court to make the right decision and can guide the judges on matters that are beyond its knowledge. The problem arises when there is ambiguity in some parts of the provisions of the Syariah Court Evidence Law related to the application of expert opinion evidence. Therefore, the objective of this paper is to evaluate and examine issues related to the use of expert opinion evidence, namely from the aspect of position and admissibility of expert opinion evidence, category of expert opinion evidence, eligibility requirements to be recognized as an expert, "bias" in the use of expert opinion evidence., and the procedure for the application of expert opinion evidence in the Syariah Court. This writing method will use a descriptive approach as well as content analysis by examining articles and related cases that have been decided, especially in the Syariah Court. The findings show that there are "lakuna" that exist in the provisions of the law related to the use of expert opinion evidence in the Syariah Court. Therefore, some improvements and harmonization need to be done such as amendments and refinements to certain relevant sections as well as proposals to establish specific reference standards related to the use of expert opinion in the Syariah Court to guide those directly involved with the legal system in Syariah Court.*

***Keywords:*** Expert Opinions, Evidence, Syariah Courts, Issues and Challenges

### **PENGENALAN**

Setiap negeri mempunyai Akta/Enakmen/Ordinan Keterangan Mahkamah Syariah yang tersendiri sebagai panduan dan rujukan statut oleh Mahkamah Syariah. Sebagai contohnya, di negeri Melaka mempunyai “Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002”, yang mana enakmen ini hendaklah terpakai bagi segala prosiding kehakiman di dalam atau di hadapan mana-mana Mahkamah Syariah dalam Negeri Melaka.<sup>1</sup> Undang-undang keterangan di Mahkamah Syariah yang menjadi rujukan pada masa kini adalah adaptasi daripada Akta Keterangan 1950 yang digunakan di “Mahkamah Sivil” di Malaysia. Dari sudut sejarahnya, Akta Keterangan 1950 pula bersifat *pari materia*<sup>2</sup> kerana ia digubal berdasarkan kepada Akta Keterangan India 1872.

Walau bagaimanapun, undang-undang keterangan di Mahkamah Syariah telah melalui proses islamisasi dan interpretasi secara komprehensif demi memastikan kesemua kandungan peruntukan tersebut menepati hukum syarak di

<sup>1</sup> Seksyen 2, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.

<sup>2</sup> Frasa yang digunakan berkaitan dengan dua undang-undang yang saling berkait dengan perkara yang sama, yang mesti dianalisis antara satu sama lain.

samping meraikan kesesuaian dengan sistem kehakiman Islam di Malaysia. Semasa proses penggubalan dilakukan, metode yang paling utama digunakan adalah dengan merujuk kepada Akta Keterangan 1950 (Ahmad Ibrahim, 1995: 4; Mahmud Saedon, 1995: 89). Mana-mana peruntukan yang tidak bercanggah dengan hukum syarak adalah dikekalkan (*Istishāb al-Asl*) dan kembali kepada keadaan asal sesuatu itu adalah harus dan dibenarkan (Al-Suyuti, 1979: 60). Manakala, peruntukan yang tidak selaras dengan hukum syarak dan bercanggah dengan bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah dimansuhkan. Selain itu, pemakaian pelbagai pendapat mazhab dan pandangan sarjana Islam melalui prinsip *al-taqlid*<sup>3</sup> dan *al-takhayyur*<sup>4</sup> dilihat turut diterimapakai semasa proses penggubalan undang-undang keterangan di Mahkamah Syariah. Pendekatan ini sekaligus dapat memenuhi dan mengharmonikan ‘urf dan waqi’ di Malaysia, dan seterusnya mencapai kehendak objektif syarak (*Maqāsid al-Syarīah*).

Walaupun undang-undang keterangan di Mahkamah Syariah telah melalui proses penambahbaikan dalam beberapa perkara di samping beberapa pindaan dilakukan dari semasa ke semasa (Hamid Jusoh, 2007: 148), namun masih terdapat *lakuna* dan ruang-ruang yang perlu disemak semula agar sesuatu keterangan yang hendak dikemukakan kepada mahkamah boleh diterima dan seterusnya mencakupi aspek kerelevan dalam statut ini.<sup>5</sup> Justeru itu, artikel ini akan meneliti peruntukan yang berkaitan dengan pemakaian keterangan pendapat pakar iaitu dari aspek kedudukan, kerelevan dan kebolehterimaan keterangan pendapat pakar, kategori keterangan pendapat pakar, syarat kelayakan untuk diiktiraf sebagai pakar, “bias” dalam pemakaian keterangan pendapat pakar, dan tatacara pemakaian keterangan pendapat pakar di Mahkamah Syariah. Justeru itu, beberapa isu dan permasalahan berkaitan pemakaian kategori pendapat pakar akan dibincangkan dan seterusnya mencadangkan beberapa penyelesaian terutamanya keperluan kepada pindaan dan semakan semula terhadap undang-undang keterangan di Mahkamah Syariah.

## KONSEP KETERANGAN PENDAPAT PAKAR

Dalam bahasa Arab, pendapat pakar dikenali dengan nama *Rā'yu al-Khabīr* atau *al-Khabīr* yang bermaksud kesaksian seseorang yang berkeahlian tentang sesuatu bidang (Ibn al-Qayyim, 1977: 188). Pendapat, keterangan atau kesaksian oleh orang yang pakar adalah merujuk kepada pendapat yang diberikan oleh seseorang yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang atau persoalan (Ahmad Fathi, 1962: 179). *Al-Khabīr* juga dikenali dengan nama yang lain seperti *ahl al-khibrāh*, *ahl al-ma'rifah*, *ahl al-'ilm* dan *ahl al-baṣar* (Irwan Mohd Subri, 2016: 4). Selain itu, pakar juga termasuk dalam golongan mereka yang “berkeahlian” iaitu yang dikenali sebagai *ahl al-dhikr* sepertimana yang dinyatakan dalam Surah al-Anbiya’ ayat ke-7:

<sup>3</sup> *Al-Taqlid* bermaksud menerima dan memakai beberapa pandangan mazhab dalam satu isu.

<sup>4</sup> *Al-Takhayyur* bermaksud mengambil pandangan satu mazhab tertentu dalam satu isu.

<sup>5</sup> Bahagian I – Kerelevan, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.

“*Bertanyalah kamu kepada ahl al-dhikr (orang yang mengetahui)  
jika kamu tidak mengetahui*”. (Surah al-Anbiya’, 21: 7)

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, pendapat pakar adalah sesuatu pandangan, anggapan dan fikiran oleh seseorang yang berkeahlilan, berpengetahuan dan berkemahiran dalam sesuatu ilmu, yang dirujuk atau dirunding untuk melaksana atau menyelesaikan sesuatu, seperti ahli ekonomi, ahli kewangan dan ahli tanaman (Noresah Baharom et al., 2010: 16). Kamus *Lisān al-Arab* menyatakan pendapat pakar adalah pendapat yang dinyatakan oleh orang yang mengkaji atau yang berpengetahuan luas dalam sesuatu bidang (Ibn Manzur, 2006: 630). Manakala dalam *al-Mu’jam al-Wasīt* memberikan definisi *al-khabīr* atau pendapat pakar sebagai orang yang mengetahui hakikat atau kebenaran sesuatu perkara (Ibrahim Mustafa, 1990: 624). Dr. Adnan Azayzah pula mendefinisikan *al-khabīr* sebagai seseorang yang mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap sesuatu ilmu yang menjadi rujukan dalam bidangnya oleh orang ramai untuk mengetahui perinciannya, dan perkara tersebut diperolehi melalui kajian, ujian dan pengalaman hidup yang lama.

Menurut undang-undang, keterangan pendapat yang hendak dikemukakan di mahkamah mestilah berkaitan dengan fakta persoalan / isu atau fakta berkaitan *qarinah*<sup>6</sup> iaitu fakta tersebut merujuk kepada apa-apa benda, keadaan benda atau hubungan benda yang boleh ditanggap dengan pancaindera, serta apa-apa keadaan mental yang disedari oleh mana-mana pihak.<sup>7</sup> Keterangan pendapat pakar didefinisikan sebagai pendapat yang diberikan oleh seseorang mengenai sesuatu perkara berdasarkan kepada kepakaran, kemahiran, pengetahuan serta pengalaman yang luas dalam sesuatu bidang. Seseorang pakar juga boleh memberikan pendapatnya tanpa melihat sesuatu fakta, membincangkan tentang penyelidikan yang telah dijalankan, merujuk kepada bahan ilmiah dan kes-kes lain yang mempunyai persamaan fakta sebagai autoritinya bagi menyokong pendapat yang ingin dikemukakan kepada mahkamah (Sudipto Sarkar, 1993: 770). Justeru itu, keadaan ini menjadikan keterangan pendapat oleh pakar adalah melebihi keterangan yang diberikan oleh saksi biasa.

## PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN KETERANGAN PENDAPAT

Secara umumnya, keterangan pendapat yang diberikan oleh seseorang adalah tidak relevan berdasarkan kepada prinsip asas undang-undang keterangan. Justifikasi ketidakbolehterimaan keterangan pendapat adalah kerana keterangan tersebut tidak mempunyai bukti yang berkaitan dengan fakta dalam isu, disamping terdapat kesukaran untuk membezakan antara sesuatu “fakta” dan “pendapat”. Pendapat adalah berbeza dengan fakta. Dalam konteks mahkamah, pendapat hanya boleh diberikan oleh seseorang hakim setelah meneliti dan menilai fakta-fakta yang dikemukakan kepadanya (Ruzman, 2010: 2). Walau

<sup>6</sup> Seksyen 5, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.

<sup>7</sup> Seksyen 3, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.

bagaimanapun, terdapat pengecualiaan pada prinsip ini dan undang-undang memberikan ruang kepada keterangan pendapat untuk dikemukakan di mahkamah dalam keadaan-keadaan yang tertentu.

Berdasarkan kepada Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002, kedudukan keterangan pendapat telah diperuntukan pada Bahagian I (Kerelevanan) dan terletak pada Bab 2 (*Qarinah*).<sup>8</sup> Mahkamah Syariah telah menerima pakai konsep *qarinah* dengan sangat meluas. Peruntukan yang merujuk kepada keterangan pendapat adalah pada seksyen 33 sehingga 39 iaitu di bawah “*Bila Pendapat Orang Ketiga menjadi Qarinah*”. Pendapat orang ketiga adalah sangat umum dan mana-mana orang atau pihak ketiga yang ingin mengemukakan pendapat adalah tertakluk kepada peruntukan ini. Keterangan pendapat yang dinyatakan pada peruntukan di atas adalah terbahagi kepada dua iaitu pertama, keterangan pendapat pakar dan kedua, keterangan pendapat bukan pakar. Bagi skop penulisan ini, rujukan kepada seksyen 33 dan peruntukan yang berkaitan dengannya sahaja difokuskan bagi meneliti isu dan permasalahan dalam pemakaian keterangan pendapat pakar di Mahkamah Syariah:

- “(1) Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubung dengan penentuan nasab, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu, atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubung dengan penentuan nasab, ialah *qarinah*.
- (2) Orang sedemikian itu dipanggil pakar.
- (3) Dua orang pakar atau lebih hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan jika boleh tetapi jika tidak terdapat dua orang pakar, maka keterangan seorang pakar adalah memadai. Jika dua orang pakar memberikan pendapat yang berlainan, maka pakar yang ketiga hendaklah dipanggil untuk memberi keterangan”.<sup>9</sup>

Hakikatnya sebahagian besar peruntukan di atas adalah diserapguna daripada Akta Keterangan 1950 (Mahkamah Sivil). Antara perbezaan utama peruntukan pendapat pakar pada Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah dengan Akta Keterangan 1950 adalah dengan penambahan satu lagi kategori pendapat pakar iaitu “berhubung dengan penentuan nasab” pada seksyen 33 (1) serta penambahan subseksyen (3) pada peruntukan pendapat pakar di Mahkamah Syariah. Penambahan subseksyen (3) tersebut adalah menerangkan berkaitan bilangan pendapat pakar yang sewajarnya dikemukakan di Mahkamah Syariah.

<sup>8</sup> “*Qarinah*” ertiaya fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara yang disebut dalam Enakmen ini, (Seksyen 3, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002).

<sup>9</sup> Seksyen 33, Pendapat Pakar, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.

## ISU DAN CABARAN BERKAITAN KETERANGAN PENDAPAT DI MAHKAMAH SYARIAH

Terdapat lima isu dan cabaran yang akan dikupas berkaitan pemakaian keterangan pendapat pakar iaitu dari aspek kedudukan dan kebolehterimaan keterangan pendapat pakar, kategori keterangan pendapat pakar, syarat kelayakan untuk diiktiraf sebagai pakar, “*bias*” dalam pemakaian keterangan pendapat pakar, dan tatacara pemakaian keterangan pendapat pakar di Mahkamah Syariah.

### 1. Kedudukan, Kerelevan Dan Kebolehterimaan Keterangan Pendapat

Seperti yang telah dinyatakan di atas, kedudukan keterangan pendapat pakar telah diperuntukan pada Bahagian I (Kerelevan) dan terletak pada Bab 2 (*Qarinah*).<sup>10</sup> Bab 2 adalah dimasukkan di bawah topik *qarinah*. *Qarinah* di bawah bab 2 ini merangkumi seksyen 5 hingga seksyen 52 yang memperuntukkan jenis-jenis fakta yang dikira sebagai *qarinah* atau fakta berkaitan. Perkara ini dijelaskan lagi dengan peruntukan yang merujuk kepada kedudukan keterangan pendapat adalah terfokus pada seksyen 33 sehingga 39 iaitu di bawah “*Bila Pendapat Orang Ketiga menjadi Qarinah*”.<sup>11</sup> Secara mudahnya, keterangan pendapat pakar di Mahkamah Syariah adalah diterima sebagai *qarinah*. Oleh itu, isu dan cabaran yang wujud adalah apabila Mahkamah Syariah telah menerima konsep *qarinah* dengan sangat meluas. Keadaan ini menimbulkan lagi kekeliruan apabila merujuk kepada tafsiran *qarinah* pada Undang-undang Keterangan di Mahkamah Syariah. Perkataan *qarinah* ditafsirkan oleh seksyen 3 seperti berikut:

“*Qarinah*” ertinya fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara yang disebut dalam Enakmen ini.<sup>12</sup>

Undang-undang yang sama juga turut memberikan tafsiran *qarinah* sebagai sebahagian dari maksud *bayyinah*, iaitu seperti berikut:

“*Bayyinah*” ertinya keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan dan termasuklah *qarinah*.<sup>13</sup>

Dari sudut prinsip dan pemakaianya, konsep *qarinah* telah diterima sebagai sama dengan fakta berkaitan (*relevant fact*) dalam Akta Keterangan 1950 di Mahkamah Sivil (Ahmad Ibrahim, 1996: 27). Berdasarkan kepada kedua-dua tafsiran di atas, pemakaian istilah *qarinah* telah termasuk dalam dua keadaan iaitu; (i) *qarinah* sebagai fakta (tafsiran pertama), (ii) *qarinah* sebagai keterangan

<sup>10</sup> “*Qarinah*” ertinya fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara yang disebut dalam Enakmen ini, (Seksyen 3, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.).

<sup>11</sup> Pendapat orang ketiga adalah sangat umum dan mana-mana orang atau pihak ketiga yang ingin mengemukakan pendapat adalah tertakluk kepada peruntukan ini.

<sup>12</sup> Seksyen 3, Tafsiran, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.

<sup>13</sup> Seksyen 3, Tafsiran, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.

(tafsiran kedua). Melihat kepada struktur undang-undang berkenaan, fakta dan keterangan adalah dua perkara yang berbeza, meskipun ia sangat berkait rapat antara satu dengan yang lain. Akta Keterangan 1950 di Mahkamah Sivil telah meletakkan perbezaan yang jelas antara fakta dan keterangan. Keterangan adalah merujuk kepada apa-apa bukti yang dikemukakan di mahkamah untuk tujuan membuktikan kewujudan sesuatu fakta atau sebaliknya. Seksyen 5 pula hanya menghadkan dua bentuk fakta sahaja yang boleh dikemukakan di Mahkamah Syariah iaitu fakta persoalan dan fakta berkaitan. Sementara itu, keterangan pula meliputi keterangan lisan dan keterangan dokumen serta lain-lain bentuk keterangan yang diiktiraf. Secara ringkasnya, keterangan adalah berfungsi untuk membuktikan sesuatu fakta (Ruzman, 2015: 7).

Selain itu, istilah *qarinah* turut boleh dilihat dari tiga dimensi iaitu; (i) keterangan keadaan, (ii) fakta berkaitan, dan (iii) anggapan.<sup>14</sup> Sekiranya *qarinah* diterima sebagai fakta, maka ia merupakan fakta berkaitan, manakala jika *qarinah* diterima sebagai keterangan, maka ia merupakan keterangan keadaan. Secara teorinya, Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah telah meletakkan *qarinah* sebagai fakta relevan / fakta berkaitan. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan agar *qarinah* tidak dimasukkan sebagai salah satu daripada *bayyinah* (keterangan). Pada masa yang sama sekiranya *qarinah* hendak diiktiraf sebagai salah satu bentuk keterangan, maka ia tidak perlu untuk menggantikan perkataan fakta relevan / fakta berkaitan. Rumusannya, konsep “fakta” boleh diserapguna pemakaianya sama seperti Akta Keterangan 1950 di Mahkamah Sivil (tanpa ganti kepada istilah *qarinah*). Manakala istilah *qarinah* pula hanya diiktiraf sebagai salah satu bentuk keterangan di Mahkamah Syariah sebagai tambahan yang tiada penggunaannya di Mahkamah Sivil.

## 2. Kategori Keterangan Pendapat Pakar

Istilah “kategori” di sini adalah merujuk kepada jenis-jenis bidang dalam industri yang diiktiraf sebagai pendapat pakar menurut peruntukan undang-undang. Walaupun pada peruntukan tersebut tidak menggunakan istilah “kategori”, namun kebanyakan ahli akademik menggunakan istilah “kategori” bagi menunjukkan jenis-jenis disiplin ilmu yang diiktiraf dalam undang-undang keterangan (Jal Zabdi, 2004: 120; Ramalinggam, 2017; Mohd Sabree & Ruzman, 2020: 37). Terdapat enam kategori pendapat pakar yang diiktiraf dalam seksyen 33 seperti berikut:

<sup>14</sup> Rujuk “The Mejelle” pada artikel 1740 dan 1741; juga *Harith Faruqi Law Dictionary*. Perkataan *qarinah qat’iyyah* ditafsirkan sebagai *conclusive presumption* atau anggapan muktamad.

Jadual 1: Kategori Pendapat Pakar di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil

Peruntukan	Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002	Akta Keterangan 1950
Seksyen	(33) pendapat pakar	(45) pendapat pakar
Bentuk Penerimaan	<i>Qarinah</i>	Fakta berkaitan
Kategori Pendapat Pakar	Undang-undang Negara Asing Sains atau Seni Identiti Tulisan Tangan Cap Jari Penentuan Nasab	Undang-undang Negara Asing Sains atau Seni Identiti Tulisan Tangan Cap Jari -

Sumber: *Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002 dan Akta Keterangan 1950*

Jadual di atas menerangkan perbandingan berkaitan kategori pendapat pakar di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Perbezaan utama dari aspek kategori pendapat pakar antara Mahkamah Syariah (seksyen 33) dan Mahkamah Sivil (seksyen 45) adalah penambahan satu lagi kategori di Mahkamah Syariah iaitu “berhubung dengan penentuan nasab” yang mana kategori ini tidak diperuntukan di Mahkamah Sivil. Selain itu, perbezaan yang ketara adalah berkaitan kedudukan atau penerimaan pendapat pakar (telah dibincangkan sebelum ini). Perbincangan berkaitan enam kategori pendapat pakar secara terperinci adalah seperti berikut:

#### (a) Undang-undang Negara Asing

Frasa “undang-undang negara asing” yang termaktub dalam statut perlulah ditafsirkan dengan lebih tepat. Jika dirujuk statut ini dalam bahasa inggeris, ia disebut sebagai “*foreign law*” (undang-undang asing) dan bukanlah “*laws of foreign countries*” (undang-undang negara asing). Maka frasa yang digunakan dalam bahasa inggeris dilihat bersifat lebih meluas dan seharusnya digunakan dalam peruntukan statut sebagai “undang-undang asing” sahaja. Hal ini adalah lebih bersesuaian dengan pemakaianya dalam konteks Mahkamah Syariah yang mana peruntukan statutnya adalah bersifat “kenegerian”. Justeru itu, rujukan kepada “undang-undang adat” sesebuah negeri boleh ditafsirkan sebagai salah satu daripada “undang-undang asing”. Sebagai contohnya undang-undang adat yang menjadi amalan masyarakat melayu Islam adalah seperti adat perpatih dimana skop adatnya berkisar dari aspek pewarisan dan penasaban. Perkara ini adalah sangat rapat dengan kes-kes yang Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskannya. Tambahan pula, Mahkamah Syariah seringkali merujuk dan mengiktiraf pemakaian ‘urf dan adat setempat dalam penetapan hukum syarak.

Bukan itu sahaja, penulis turut berpandangan bahawa kategori “undang-undang asing” juga merujuk kepada segala undang-undang dan statut yang selain diperuntukan secara khusus untuk Mahkamah Syariah. Sebagai contohnya, undang-undang yang berkaitan dengan tanah, kontrak, perbankan, kewangan dan seumpamanya adalah termasuk dalam kategori ini (sekiranya Mahkamah Syariah memerlukan rujukan seperti dalam masalah pengesahan hibah, wakaf, wasiat dan lain-lain yang berkaitan). Secara mudahnya mana-mana statut yang digubal di parlimen adalah “undang-undang asing” dalam konteks Mahkamah Syariah (kecuali yang digubal bagi tujuan Mahkamah Syariah dan terpakai di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan). Rasionalnya adalah kebanyakan undang-undang tersebut adalah diluar pengetahuan hakim Syarie dan sebahagian besar para hakim syarie tidak mempunyai kelulusan dalam bidang tersebut. Oleh yang demikian, dalam kategori ini seseorang boleh dipanggil sebagai saksi pakar jika pihak yang ingin memanggilnya dapat membuktikan bahawa orang berkenaan adalah seorang yang layak untuk mengamalkan sesuatu “undang-undang asing” itu dalam sesuatu bidang kuasa atau mereka yang boleh dianggap dan ditafsirkan sebagai pakar.

### **(b) Sains atau Seni**

Hakikatnya kategori sains atau seni mempunyai satu tafsiran yang sangat luas (S Augustine Paul, 2000: 433). Namun, undang-undang keterangan di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah tidak memperuntukan definisi sains atau seni. Menurut Sir James Stephen (1936: 67), sains atau seni termasuklah semua perkara yang memerlukan kepada pengkajian khusus atau pengalaman dalam memberikan sesuatu pendapat atau menentukan pendapat. Menurut Kamus Dewan, sains ditafsirkan sebagai suatu ilmu pengetahuan yang teratur dan sistematis yang boleh diuji atau dibuktikan kebenarannya. Manakala seni pula merujuk kepada hasil karya dalam pelbagai bidang yang dicipta dengan bakat atau kecekapan. Sebagai contohnya, keterangan perubatan adalah terdiri daripada kategori sains atau seni yang mana ia banyak digunakan di mahkamah (Jal Zabdi, 2004: 121). Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada kes-kes keterangan pendapat pakar yang telah dilaporkan khususnya di Mahkamah Syariah, penulis melihat keterangan perubatan adakalanya boleh termasuk dan dibahaskan dalam kategori “identiti” dan juga “penentuan nasab”. Hal ini memerlukan kepada perincian dan perbincangan yang lebih mendalam bagi mengenalpasti kategori-kategori yang berkaitan dengan pemakaian keterangan pendapat dalam bidang perubatan.

### **(c) Identiti**

Identiti bermaksud aspek-aspek tertentu seperti tingkah laku, cara berpakaian dan sebagainya untuk menunjukkan sifat diri atau keperibadian seseorang. Selain itu, identiti turut merujuk kepada adat resam, kesenian dan sebagainya yang dapat melambangkan sekumpulan entiti, masyarakat, negara dan lain-lain. Dalam zaman moden ini, seseorang pakar boleh dipanggil dan memberi keterangan mengenai

identiti seseorang berdasarkan kepada kajian yang telah ia jalankan. Antara teknik yang boleh dijalankan oleh pakar untuk menentukan identiti adalah dengan mengambil sel-sel manusia seperti darah, air mani atau rambut untuk dianalisis bagi menentukan *deoxyribonucleic acid* (DNA) atau tanda genetik seseorang individu (Andrian Keane, 2000: 497). Sekiranya DNA termasuk dalam kategori identiti, adakah ia berlainan dan tiada hubungan dengan kategori sains?. Selain itu, DNA juga digunakan dalam kes penentuan nasab (pensabitan nasab). Maka adakah DNA juga tidak termasuk dalam kategori “penentuan nasab” yang diperuntukan secara khusus di Mahkamah Syariah?. Keadaan ini dilihat seolah-olah berlakunya pertindihan atau kesamaran dalam menggunakan kategori identiti dengan kategori sains.

#### (d) Tulisan Tangan

Mahkamah meletakkan keraguan mengenai nilai sesuatu keterangan pakar yang berkaitan dengan tulisan tangan. Terdapat pandangan yang berpendapat bahawa keterangan pakar mengenai tulisan tangan hendaklah diterima dengan berhati-hati. Hal ini kerana setiap daripada saksi pakar tulisan tangan mempunyai teori yang tersendiri dan berbeza-beza. Tambahan pula, mereka dibayar untuk memberi keterangan oleh pihak yang memanggil mereka. Oleh itu adalah berbahaya untuk mensabitkan seseorang tertuduh hanya dengan berdasarkan kepada keterangan pendapat pakar semata-mata, tanpa keterangan sokongan yang lain. Walau bagaimanapun, undang-undang masih memberikan ruang dan mengiktiraf kategori tulisan tangan sebagai salah satu pendapat pakar. Kategori tulisan tangan bukan sahaja diiktiraf sebagai salah satu kategori pendapat pakar, namun kategori ini juga turut dinyatakan secara khusus pada seksyen 35 yang boleh difahami sebagai salah satu daripada kategori keterangan pendapat “bukan pakar”.<sup>15</sup>

#### (e) Cap Jari

Cap jari manusia merujuk kepada pola bekas yang wujud di mana-mana permukaan rata oleh kulit timbul pada hujung jari. Kulit timbul ini juga dikenali sebagai "ridge dermis" atau "papilla dermis". Cap jari biasanya digunakan sebagai kaedah yang tepat dan pasti benar bagi mengenal pasti identiti individual secara unik, tetapi ia lebih kepada seni berbanding sains. Dari aspek amalannya, kebanyakan makmal negeri dan kebangsaan tidak akan melaporkan padanan cap jari sehingga dua pakar merumuskan sedemikian secara bebas. Pemakaian dan penerimaan pembuktian melalui cap jari sebenarnya bukanlah asing dalam Islam. Hakikatnya kaedah ini telah dinyatakan dalam Surah al-Qiyamah pada ayat 3-4:

“Patutkah manusia (yang kafir) menyangka bahawa Kami tidak  
akan dapat mengumpulkan tulang-belulangnya (dan

<sup>15</sup> Seksyen 35, Bila pendapat tentang tulisan tangan ialah *qarinah*, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.

*menghidupkannya semula)? Bukan sebagaimana yang disangka itu, bahkan Kami berkuasa menyusun (dengan sempurnanya) segala tulang jari-jemarinya dengan sempurna". (Surah al-Qiyamah, 75: 3-4)*

Persoalan yang sama turut timbul sama ada kategori cap jari mempunyai kaitan dengan kategori sains, ataupun bidang cakupan ilmu cap jari sememangnya sama sekali berbeza dengan ilmu sains. Selain itu, matlamat utama cap jari digunakan oleh pakar adalah untuk tujuan pengecaman seseorang. Justeru, adakah penggunaan cap jari ini tidak mempunyai kaitan dengan kategori identiti, begitu juga dengan ilmu sains?. Oleh itu, kategori yang sedia ada ini dilihat wujudnya pertindihan dan seterusnya berlakunya kesukaran dalam menentukan kategori yang sesuai untuk digunakan dalam sesuatu kes. Perkara ini dirumitkan lagi dengan kurangnya pentafsiran dan ulasan oleh hakim Syarie di Mahkamah Syariah. Justeru itu, pendekatan yang diambil oleh beberapa negara luar seperti di India dan Singapura adalah dengan meminda peruntukan tersebut dengan menyatakan kategori pendapat pakar secara komprehensif dan konklusif dalam statut mereka (Ramalinggam, 2017: 12).

#### **(f) Penentuan Nasab**

Seperti yang telah dinyatakan di atas, kategori penentuan nasab merupakan kategori yang diperuntukan secara khusus di Mahkamah Syariah berbanding mahkamah sivil yang tidak memperuntukan kategori tersebut. Merujuk kepada keputusan kes *Eddyham bin Zainuddin lwn. Rahimah bt. Muhamad*, pendapat pakar dalam kategori penentuan nasab adalah merujuk kepada pensabitan nasab dan bukannya untuk menafikan nasab. Dalam kes ini, hakim telah menolak keterangan pakar DNA kerana mahkamah mendapati permohonan sebenar yang ingin dilakukan oleh pemohon adalah berkaitan penafian nasab. Berdasarkan nas dan autoriti yang dikemukakan oleh hakim, hanya terdapat satu cara atau kaedah sahaja yang boleh digunakan untuk menafikan nasab, iaitu dengan kaedah *li'an*. Ini adalah kerana ia berkait rapat dengan tuduhan zina (*qazaf*) dan cara lain tidak diiktiraf oleh hukum syarak. Laporan DNA tersebut hanya boleh digunakan oleh perayu sebagai untuk menguatkan keyakinan perayu bagi melakukan *qazaf* dan berli'an sahaja. Mahkamah Rayuan Syariah dalam kes ini tidak mengulas lanjut berkaitan ketidakbolehterimaan keterangan DNA kerana ia tidak relevan sama sekali.

Ringkasnya, terdapat dua perbahasan penting yang perlu difahami daripada aspek penentuan nasab menurut Islam, iaitu yang pertama adalah berkaitan pensabitan nasab, dan yang kedua adalah berkaitan penafian nasab. Merujuk kepada kod kes mal di Mahkamah Syariah, 006 adalah kes Permohonan Pengesahtarafan Anak (merujuk kepada kategori penentuan nasab) dan kod kes 069 adalah berkaitan Tuntutan *Li'an* (merujuk kepada penafian nasab). Secara asasnya, undang-undang mengiktiraf pemakaian keterangan pendapat pakar hanya dalam kes penentuan nasab. Selain keterangan pendapat pakar, terdapat juga kaedah lain yang diiktiraf dalam Islam bagi tujuan penentuan nasab

antaranya ialah *al-Iqrar*, *al-Firash* dan *al-Qiyafah*. Dalam konteks semasa, penentuan nasab boleh dikenalpasti melalui kaedah sains forensik seperti berdasarkan kepada trait fizikal dan serologi darah (Ahmad Syukran, 2015: 18). Oleh yang demikian, kategori penentuan nasab ini dilihat tidak lari daripada perbahasan sains dan identiti. Sekalipun Mahkamah Syariah tidak menambah kategori ini, ia masih relevan untuk digunakan kerana berpandukan kepada kategori sains dan identiti.

Berdasarkan kepada kategori-kategori yang dinyatakan di atas, terdapat beberapa isu yang timbul di mana terdapat beberapa bidang yang dianggap pakar dalam industri, tetapi tidak termasuk dalam mana-mana kategori yang diperuntukkan oleh undang-undang antaranya ialah keterangan pendapat mufti dan panel pakar di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim). Selain itu, terdapat juga kesukaran untuk mengiktiraf pakar-pakar yang dirujuk dalam kes jenayah sihir iaitu tergolong dalam kategori yang mana (Mohd Sabree & Ruzman, 2020: 45-47; Mohd Sabree, 2015: 51-58). Oleh yang demikian, kategori yang sedia ada perlu dinilai dan diteliti semula agar semua pakar dalam industri pada masa kini terangkum dalam kategori yang diiktiraf dan seterusnya relevan untuk dipanggil sebagai pakar di Mahkamah Syariah.

### **3. Syarat Kelayakan Pendapat Pakar**

Bagi melayakkan seseorang itu diiktiraf sebagai pakar, maka sudah semestinya ia memerlukan kepada syarat-syarat yang khusus yang mesti ditentukan dengan jelas dan diiktiraf oleh undang-undang. Dalam sistem perundangan sivil, seseorang itu diiktiraf sebagai pakar melalui dua cara iaitu pertama disebabkan oleh keilmuannya yang tinggi (kelayakan akademik) dan kedua disebabkan oleh pengalamannya yang luas dalam sesuatu perkara (Jal Zabdi, 2004: 114). Apabila seseorang itu diiktiraf sebagai pakar, maka ia boleh memberikan keterangan melebihi daripada saksi biasa seperti dia boleh memberikan pendapatnya tanpa melihat kepada sesuatu fakta, mengemukakan dan membincangkan berkaitan hasil-hasil penyelidikan yang telah dijalankannya, merujuk kepada sumber-sumber yang berautoriti sebagai nas dan bebas merujuk mana-mana kes lain yang berkaitan yang mempunyai persamaan dari segi fakta untuk tujuan menyokong sesuatu pendapatnya (Sudipto Sarkar, 1993: 770).

Namun demikian, situasi ini agak berbeza dengan amalan di mahkamah syariah. Selain daripada pemakaian pendapat pakar yang kurang berbanding dengan mahkamah sivil, pendekatan hakim Syarie dalam menjelaskan berkaitan syarat yang melayakan seseorang itu diiktiraf sebagai pakar turut tidak ditemui setakat ini dalam alasan penghakiman. Keadaan ini berlaku apabila peruntukan undang-undang memberikan hak dan kuasa kepada mahkamah untuk menggunakan keterangan pendapat pakar, namun pada peruntukan tersebut tidak menjelaskan secara terperinci berkaitan syarat-syarat yang melayakan seseorang itu diiktiraf sebagai pakar. Syarat umum yang dinyatakan dalam peruntukan undang-undang adalah seperti berikut:

*“Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu, atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, ialah qarinah.”<sup>16</sup>*

Berdasarkan kepada peruntukan yang bergaris di atas, syarat umum yang diiktiraf sebagai pakar adalah seseorang itu mempunyai kemahiran yang khusus dalam bidang tertentu. Keadaan ini menimbulkan beberapa persoalan antaranya adalah berkaitan status agama Islam, gender seseorang pakar dan bilangan saksi pakar yang perlu dikemukakan di Mahkamah Syariah. Dalam peruntukan undang-undang, saksi seseorang yang bukan Islam adalah diterima sebagai satu *bayyinah* (bukan *Syahadah*).<sup>17</sup> Selain itu, adakah status gender diambil kira dalam mengemukakan keterangan sebagai saksi pakar kerana dalam Islam, saksi seseorang lelaki adalah bersamaan dengan dua orang perempuan. Bilangan dan penentuan saksi lelaki dan perempuan sangat dititikberatkan dalam sistem perundangan Islam. Akhir sekali yang lebih penting adalah bilangan saksi pakar yang harus dikemukakan di Mahkamah Syariah. Menurut kehendak peruntukan undang-undang, dua orang saksi pakar hendaklah dikemukakan, apabila tidak dapat dua orang saksi pakar, maka memadai seorang sahaja. Sekiranya pertikaian berlaku antara dua orang saksi pakar, maka hendaklah dikemukakan saksi pakar yang ketiga, seperti peruntukan berikut:

*“(3) Dua orang pakar atau lebih hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan jika boleh tetapi jika tidak terdapat dua orang pakar, maka keterangan seorang pakar adalah memadai. Jika dua orang pakar memberikan pendapat yang berlainan, maka pakar yang ketiga hendaklah dipanggil untuk memberi keterangan”.*<sup>18</sup>

Berdasarkan kepada peruntukan di atas, adakah prinsip bilangan tertentu dalam mengemukakan keterangan pendapat oleh pakar diperlukan sebagaimana bilangan saksi dalam konsep *syahadah*? Jika ia sekalipun tidak merujuk kepada konsep *syahadah*, adakah prinsip kaedah umum yang terdapat dalam Akta Keterangan 1950 di Mahkamah Sivil terpakai iaitu bersandarkan kepada falsafah kekuatan sesuatu keterangan tanpa melihat kepada bilangan saksi tertentu (*evidence is not counted, but weighted*)<sup>19</sup> dan perkara ini adalah jelas bercanggah dengan prinsip dalam hukum syarak mengikut mazhab yang diterima pakai di

<sup>16</sup> Seksyen 33(1), Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.

<sup>17</sup> Seksyen 83 (2), Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.

<sup>18</sup> Seksyen 33, Pendapat Pakar, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.

<sup>19</sup> Khaw Cheng Bok & Ors v. Khaw Cheng Poon & Ors (1998) 3 MLJ 457.

Malaysia serta berlawanan dengan kaedah khusus yang telah dinyatakan dalam Undang-Undang Keterangan di Mahkamah Syariah seperti di atas.

Jadual 2: Perbandingan Penilaian Syarat Kelayakan Pakar

Kaedah Umum undang-undang Keterangan	Kaedah Khusus undang-undang Keterangan
Menilai kepada kualiti saksi pakar. (ilmu / pengalaman / kepakaran)	Menilai kepada bilangan saksi <sup>20</sup> / status agama <sup>21</sup> / gender <sup>22</sup>

Oleh yang demikian, penilaian semula syarat kelayakan pakar perlu dilakukan dengan teliti iaitu dengan mengambilkira syarat yang telah digariskan dalam Islam, serta pemakaianya dalam peruntukan undang-undang. Secara prinsipnya, seseorang pakar itu haruslah dinilai dari sudut kualiti iaitu dari aspek ilmu pengetahuan, kepakaran dan pengalaman, bukan hanya dilihat dari sudut kuantiti dan seumpamanya.

#### 4. “Bias” Dalam Pemakaian Keterangan Pendapat Pakar

Salah satu cabaran yang utama dalam pemakaian keterangan pendapat pakar adalah untuk memastikan seseorang saksi pakar itu bersifat bebas, tidak mempengaruhi dan dipengaruhi oleh mana-mana pihak. “Bias” atau dalam bahasa melayu boleh ditakrifkan sebagai berat sebelah, bersikap prejudis, atau timbulnya *tohmahan* atau perasaan keraguan (*syak*) kepada sesuatu pihak tertentu. Keadaan ini boleh terjadi secara tidak sengaja dan bahkan tidak disedari oleh pihak-pihak. Dalam sistem undang-undang di dunia, terdapat banyak pendapat, tanggapan dan keterangan yang salah telah dikaitkan dengan penilaian yang berat sebelah oleh saksi pakar (Jason *et.al*, 2019: 4). Di peringkat antarabangsa, terdapat banyak kajian yang dilakukan dalam bidang psikologi dan perundangan untuk meneliti tahap kecenderungan berat sebelah oleh saksi pakar dan bagaimana kaedah untuk membatasinya.

Isu dan persoalan akan timbul sama ada golongan pakar ini hanya tergolong dalam kalangan kakitangan perkhidmatan awam sahaja atau sebagainya. Hal ini juga akan menyebabkan saksi-saksi pakar ini akan cenderung untuk berat sebelah, terutamanya kepada pihak yang memerlukan perkhidmatan kepakarannya dan mungkin juga secara tidak sedar ia memihak kepada pihak yang memanggilnya (Mohd Sabree *et.al*, 2017: 83). Di samping itu, seseorang pakar biasanya dipanggil oleh sesuatu pihak kerana alasannya adalah mudah, iaitu telahpun dapat ditentukan bahawa pakar itu mempunyai pendapat yang memihak kepada kepentingannya sahaja. Perkara ini tidak termasuk lagi amanun bayaran atau tawaran-tawaran tertentu yang akan diberikan kepada saksi pakar yang dapat membantunya untuk memenangi sesuatu kes. Dalam soal ini, integriti, ketelusan dan profesionalisme seseorang pakar akan teruji. Oleh itu dicadangkan agar satu garis panduan yang khusus diwujudkan untuk memastikan

<sup>20</sup> Seksyen 33 (3) & 56 (4), Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.

<sup>21</sup> Seksyen 83 (2), Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.

<sup>22</sup> Seksyen 86 (3) (b), Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.

elemen-elemen negatif ini dapat dielakkan terutamanya pemakaian pendapat pakar dalam sistem perundangan Islam di Mahkamah Syariah.

## 5. Tatacara Pemakaian Keterangan Pendapat Pakar Di Mahkamah Syariah

Dalam sistem perundangan, secara amnya terdapat dua jenis undang-undang iaitu undang-undang substantif dan undang-undang prosedur. Undang-undang substantif adalah merujuk kepada undang-undang yang berkaitan tentang hak, liabiliti, tanggungjawab atau kewajipan ke atas seseorang. Manakala undang-undang prosedur adalah undang-undang yang mengatur prosedur dan kaedah tertentu bagaimana untuk menguatkuaskan hak dan tanggungjawab dalam undang-undang substantif. Secara mudahnya, undang-undang prosedur digunakan untuk membolehkan objektif undang-undang substantif dihasilkan atau dicapai. Fokus perbincangan di sini adalah berkaitan undang-undang prosedur atau tatacara. Di mahkamah syariah, undang-undang prosedur terdiri daripada Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah, Undang-undang Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah dan Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah.

Rentetan itu, bagi memastikan sesuatu kes di mahkamah syariah berjalan dengan lancar, teratur dan seragam, maka undang-undang prosedur ini akan dijadikan sebagai rujukan utama. Namun, isu yang timbul di sini adalah tidak wujud peruntukan yang khusus berkaitan prosedur pemakaian keterangan pendapat pakar dalam Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah dan Undang-undang Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah. Sebagai contohnya, tiada prosedur khusus dalam Undang-undang Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah yang membenarkan seseorang suspek untuk dihantar ke hospital bagi tujuan pemeriksaan perubatan. Berdasarkan penelitian kepada kes-kes yang berkaitan, pendekatan dan amalan yang biasa digunakan oleh mahkamah adalah dengan merujuk kepada Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah. Lazimnya seksyen 33 seringkali digunakan apabila terdapat keperluan untuk mengemukakan sesuatu pendapat pakar di Mahkamah Syariah. Namun dari sudut prosedur dan tatacara masih lagi tiada perincian yang bersifat standard.

Selain daripada Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah dan Undang-undang Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah, kelincinan pentadbiran undang-undang juga dibantu melalui kewujudan kaedah-kaedah tertentu setakat mana yang diperakukan dan diwartakan oleh undang-undang itu sendiri. Tujuannya adalah supaya segala proses perbicaraan di Mahkamah Syariah dapat berjalan dengan lancar, adil dan bersistematik sebagaimana yang dikehendaki oleh hukum syarak. Antara usaha Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) untuk memastikan sesuatu prosedur berjalan dengan lancar dan telus adalah dengan mewujudkan arahan tertentu yang dikenali sebagai “Arahan Amalan” (Mohd Nadzri, 2020). Arahan amalan yang dikeluarkan oleh JKSM adalah suatu dokumen bertulis yang ditandatangani oleh Ketua Hakim Syarie / Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia berkaitan dengan sesuatu prosedur atau polisi yang mana ia perlu dipatuhi dan diikuti oleh semua

Mahkamah Syariah, walaupun ia tidak berstatus undang-undang (Mohd Nadzri, 2011).

Dalam masa yang sama juga, JKSM telah mengambil langkah yang proaktif dengan menyediakan satu pelan tindakan untuk mengeluarkan arahan amalan dari semasa ke semasa yang merangkumi pelbagai prosedur kehakiman (Abdul Monir, 2008). Walau bagaimanapun, setakat pencarian yang telah dibuat, sehingga kini penulis masih belum menemui satu kaedah atau arahan amalan yang khusus berkaitan pemakaian keterangan pendapat pakar di Mahkamah Syariah, melainkan Arahan Amalan No. 4 Tahun 2020, berkaitan “pengemukaan bukti forensik dalam prosiding di Mahkamah Syariah”. Namun perkara ini masih tidak diperincikan berkaitan prosedur atau standard untuk mengemukakan keterangan tersebut. Keadaan ini berbeza dengan amalan di mahkamah sivil, yang mana terdapat prosedur khusus berkaitan pemakaian keterangan pendapat pakar iaitu dengan merujuk kepada “Kaerah-Kaedah Mahkamah 2012”. Terdapat kaedah yang khusus berkaitan pemakaian pendapat pakar iaitu pada “Aturan 40” berkaitan “Pakar Mahkamah” yang mengandungi 6 kaedah, dan “Aturan 40A” berkaitan “Pakar Bagi Pihak-Pihak” yang mengandungi 5 kaedah. Selain itu terdapat juga beberapa kaedah yang turut menyentuh berkaitan pendapat pakar pada pelbagai Aturan dalam “Kaerah-Kaedah Mahkamah 2012”. Justeru itu, pendekatan ini perlu diwujudkan di Mahkamah Syariah bagi tujuan dan maksud yang sama.

## PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbahasan di atas berkaitan isu dan cabaran pemakaian keterangan pendapat pakar di Mahkamah Syariah, ternyata terdapat beberapa perkara yang harus dinilai semula dan seterusnya mencari kaedah penyelesaian yang bersesuaian. Antara punca utama terjadinya permasalahan ini adalah kerana terdapatnya *lakuna* pada peruntukan statut iaitu pada seksyen 3 dan 33 Enakmen Keterangan di Mahkamah Syariah. Justeru itu, cadangan penambahan dan pindaan kepada peruntukan statut mampu menyelesaikan beberapa isu yang timbul. Penulis mengemukakan beberapa cadangan untuk tujuan pengharmonian undang-undang seperti berikut:

- i. Penggunaan istilah tertentu seperti *bayyinah*, *syahadah* dan *qarinah* perlu dikaji semula supaya kacuan antara pelbagai sumber undang-undang yang pelbagai ini lebih bertepatan dan memudahkan rujukan oleh para pengamal undang-undang. Pemurnian harus dilakukan pada seksyen 3 berkaitan tafsiran istilah-istilah berikut.
- ii. Kategori keterangan pendapat pakar mestilah mencakupi semua bidang dalam industri semasa. Penulis mencadangkan pindaan dilakukan seperti negara Singapura iaitu dengan menyatakan kategori pakar secara umum, iaitu mereka yang pakar merujuk kepada “pengetahuan saintifik, teknikal, atau pengetahuan khusus yang lain” (*scientific, technical or*

*other specialised).*<sup>23</sup> Pendekatan ini dilihat membuka ruang yang lebih besar kepada mana-mana pakar yang berkaitan adalah relevan untuk dikemukakan di Mahkamah Syariah. Pemurnian harus dilakukan pada seksyen 33.

- iii. Syarat kelayakan pakar di Mahkamah Syariah juga harus diperincikan. Pakar adalah dinilai dari aspek kualiti dan pengiktirafannya disebabkan oleh dua perkara iaitu, ilmu pengetahuan yang tinggi dan/atau pengalamannya yang luas dalam bidang-bidang tertentu.
- iv. Mewujudkan panduan yang jelas berkaitan pemakaian keterangan pendapat pakar, sama ada dinyatakan secara jelas dalam peruntukan statut, kaedah-kaedah atau sekurang-kurangnya dalam bentuk Arahan Amalan. Antara elemen yang diperincikan adalah berkaitan prosedur pemakaian pendapat pakar serta lain-lain yang berkaitan seperti bagaimana kaedah terbaik untuk mengelakkan “bias” berlaku apabila keterangan pendapat pakar dikemukakan di Mahkamah Syariah.

Kesimpulannya, satu standard rujukan khusus berkaitan keterangan pendapat pakar di Mahkamah Syariah harus dibentuk. Semua perkara yang berkaitan dengannya dapat dihuraikan dan dijelaskan dengan terperinci dalam standard tersebut. Seterusnya, standard rujukan tersebut harus diangkat dan diiktiraf diperingkat dasar seperti dikeluarkan satu Arahan Amalan yang khusus berkaitan dengannya untuk digunakan dan dijadikan panduan oleh seluruh Mahkamah Syariah di Malaysia. Perkara dan usaha ini penting kerana ia merupakan satu persediaan ke arah bidang kuasa Mahkamah Syariah yang lebih besar lagi pada masa hadapan.

## RUJUKAN

- Aḥmad Fathī Bahansī. (1962). *Nażariyyah al-Ithbāt*. Qāhirah: al-‘Arabiyyah li al-Tibā’ah.
- Ahmad Ibrahim. (1995). “Perkembangan Terkini Undang-undang Islam di Malaysia”, dalam *Undang-undang Keterangan dan Prosedur di Mahkamah*, Abdul Monir Yaacob (Ed.), Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Ahmad Ibrahim. (1996). “Perkembangan Terkini Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah”, dalam *Bengkel Kebangsaan Undang-undang Keterangan di Mahkamah Syariah*, anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Syukran Baharuddin, Mohamad Amir Wan Harun, Aminuddin Ruskam & Abdul Rahim Yacob. (2015). “Forensik Biologi Dalam Penjagaan

<sup>23</sup> Akta Keterangan Singapura memerlukan “pendapat pakar” pada seksyen 47 (1) seperti berikut: Subject to subsection (4), when the court is likely to derive assistance from an opinion upon a point of scientific, technical or other specialised knowledge, the opinions of experts upon that point are relevant facts.

- Nasab (Hifz Al-Nasab / Nasl)," *International Journal of Islamic and Civilization Studies (UMRAN)* vol.2, no.2.
- Akta Keterangan 1950.
- Akta Keterangan India 1872.
- Akta Keterangan Singapura 2012 (pindaan).
- Al-Suyūtī. (1979). *Al-Asybāh wa al-Naẓār’ir*. Beīrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyyah.
- Andrian Keane. (2000). *The Modern Law of Evidence*, Ed. 5. London: Butterworths.
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.
- Hamid Jusoh. (2007). “Undang-undang Keterangan Islam dan Perkembangan Pelaksanaannya di Malaysia”, dalam *Undang-undang Islam: Jenayah, Keterangan dan Prosedur*, Jil. 13, Nasimah Hussin (Ed.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Manzūr. (2006). *Lisān al-‘Arab*. Riyāḍh: Dār al-Akhyar.
- Ibn Qayyīm al-Jaūziyyāh. (1977). *Al-Turuq al-Hukmīyyah*. Mesīr: Matba’ah al-Madanī.
- Ibrāhīm Muṣṭafā. (1990). *al-Mu’jam al-Wasīṭ*. İstanbūl: Dār al-Da’wah.
- Irwan Mohd Subri & Fakhrina Zulkiple. (2016). “Analisis Fatwa Semasa di Malaysia: Pandangan Pakar Dalam Keputusan Hukum Pengharaman Vape” (Kertas kerja dibentangkan di Seminar Isu-isu Kefatwaan Kontemporari 2016: “Fiqh Kontemporari dalam Mendepani Realiti Semasa Masyarakat Malaysia” anjuran Institut Kajian Tinggi Islam Antarabangsa (IAIS) Malaysia, pada 10 Mac 2016).
- Jal Zabdi Mohd Yusoff. (2004). *Pengenalan Undang-undang Keterangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Jason M. Chin, Michael Lutsky & Itiel E. Dror. (2019). “The biases of experts: An Empirical Analysis of Expert Witness Challenges,”. *Manitoba Law Journal*, 21.
- Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.
- Kes *Eddyham bin Zainuddin lwn. Rahimah bt. Muhamad*, Jurnal Hukum 40 BHG. 2 1436H
- Mahmud Saedon. (1995). “Undang-undang Keterangan di Mahkamah Syariah”, dalam *Undang-undang Keterangan dan Prosedur di Mahkamah*, Abdul Monir Yaacob (Ed.), Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Mohd Sabree Nasri & Ruzman Md Noor. (2020). "Kategori Keterangan Pendapat Pakar di Mahkamah Syariah: Isu dan Cadangan Pelaksanaan Undang-Undang," *Journal of Shariah Law Research*, vol. 5 (1) 35-54.
- Mohd Sabree Nasri, Mohamad Afandi Md Ismail, Mohd Al Adib Samuri, & Abu Suffian Abu Yaziz. (2017). Keterangan Pakar Sebagai Cara Pembuktian di Mahkamah Syariah. *E-Proceeding of the 4th World Conference on Integration of Knowledge 2017*, Bayview Beach Resort, Batu Ferringhi Beach, Pulau Pinang, Malaysia. 31 July - 1 Ogos 2017.
- Mohd Sabree Nasri. (2015). “Jenayah Sihir di Malaysia: Permasalahan dan Cadangan Pelaksanaan Undang-undang,” *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 19, 51-58.

- Noresah Baharom et al. (2010). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramalinggan Rajamanickam. (2017). "Skop Seksyen 45 Akta Keterangan 1950: Keperluan Untuk Semakan Semula," *Jurnal Undang-undang & Masyarakat*, Isu Khas, 1-14.
- Ruzman Md. Noor. (2010). "Pembuktian Dalam Kes Harta Sepencarian Di Mahkamah Syariah di Malaysia," *Jurnal Hukum*, 31 (1), 1-17.
- Ruzman Md. Noor. (2015). "Ruang-Ruang Penting Penambahbaikan Undang-Undang Keterangan", makalah, *Persidangan Meja Bulat Pengharmonian Undang-Undang: Kajian Undang-Undang Bertulis*, anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia, 18-19 November 2015.
- S Augustine Paul. (2000). *Evidence: Practice and Procedure*, Ed. 2. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.
- Sir James Fitzjames Stephen. (1936). *A Digest of the Law of Evidence*, Ed. 13. London: MacMillan and Co Ltd
- Sudipto Sarkar & VR Manohar. (1993). *Sarkar On Evidence*, ed. Ke-9. London: Butterworths.